

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : TUAN NG WEI AIK****TARIKH : 21.11.2017****SOALAN : NO. 26**

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pendirian Kerajaan Malaysia tentang empat buah universiti, iaitu Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Limkokwing University of Creative Technology, Binary University of Management & Entrepreneurship dan SEGI University yang telah disenarai hitamkan oleh Kerajaan Oman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lanjutan daripada rundingan bersama pihak Kerajaan Oman pada 29 Oktober 2017, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah melaksanakan beberapa tindakan bagi memastikan semua institusi pendidikan tinggi (IPT) menambahbaik pengendalian proses pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan pelajar antarabangsa terutamanya dalam urusan permohonan dan pembaharuan pas pelajar antarabangsa.

KPT turut memantau dan mengawal selia aspek pengoperasian institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) yang tertakluk di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) bertujuan untuk memastikan tahap pematuhan kepada Akta 555 dapat dipertingkatkan. Ia juga bagi memastikan pendidikan tinggi yang ditawarkan dijamin berkualiti buat

pelajar tempatan dan juga antarabangsa. Dalam pada itu program Audit Pematuhan Akta 555 yang dilaksanakan ke atas IPTS banyak membantu IPTS dalam memenuhi keperluan akta dari segi pegurusan maklumat pelajar termasuklah pelajar antarabangsa.

KPT pada masa yang sama sentiasa memastikan program yang ditawarkan oleh IPT mendapat akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan dimuat naik senarai program tersebut di laman web Daftar Kelayakan Malaysia. Pihak MQA juga merancang untuk melaksanakan audit ke atas IPT terlibat berdasarkan isu yang dikenal pasti.